

D.R. 25/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pelindung 2006.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pelindung (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 28

2. Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 28(2) dengan menggantikan perkataan “(1)(a) dan (b)” dengan perkataan “(1)(a), (b) dan (c)”.

Seksyen baru 40A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:

“Pelindungan dua hala

40A. (1) Tiada apa-apa pun dalam Akta ini boleh menghalang Kerajaan daripada memulakan penyiasatan pelindungan dan mengenakan langkah perlindungan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian perdagangan yang dibuat oleh Kerajaan.

(2) Menteri hendaklah menetapkan terma dan syarat penyiasatan pelindungan dan langkah perlindungan bagi maksud subseksyen (1).”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pelindung 2006 (“Akta 657”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta 657 untuk membolehkan langkah muktamad dikenakan dalam bentuk duti pelindung dan kuota terhadap semua import keluaran yang disiasat.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 40A ke dalam Akta 657 yang membenarkan Malaysia untuk memulakan penyiasatan pelindungan dan mengenakan langkah perlindungan ke atas negara yang tertentu mengikut perjanjian perdagangan yang dibuat oleh Kerajaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2828]